

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan pada jam **1200, 22 Jun 2022**



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

LAPORAN KAJIAN KHAS BAZAR RAMADAN DAN AIDILFITRI 2022

Bazar Ramadan dan Aidilfitri menjana jualan RM2.4 bilion pada 2022, mencipta 156,361 peluang pekerjaan

PUTRAJAYA, 22 JUN 2022 – Nilai jualan Bazar Ramadan dan Aidilfitri pada 2022 merekodkan RM2.4 bilion dan mewujudkan 156,361 peluang pekerjaan, seperti dilaporkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). DOSM buat julung kalinya menerbitkan **LAPORAN KAJIAN KHAS BAZAR RAMADAN DAN AIDILFITRI 2022** yang memaparkan statistik berkaitan nilai jualan, bilangan pekerja dan bilangan gerai perniagaan. Statistik ini diterbitkan di peringkat nasional, negeri dan daerah pentadbiran.

Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata “Penemuan laporan ini adalah berdasarkan kajian yang dijalankan oleh DOSM bermula pada 3 hingga 29 April 2022 (bulan Ramadan). Kajian ini meliputi semua bazar yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Dari segi pengumpulan data, kaedah yang digunakan ialah temu ramah secara bersemuka, pemerhatian dan panggilan telefon. Selain itu, DOSM juga menggunakan data pentadbiran yang diperolehi daripada PBT.”

Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri

Mengulas lanjut hasil kajian, Ketua Perangkaan Malaysia berkata “Selangor mendominasi nilai jualan bagi Bazar Ramadan dan Aidilfitri dengan merekodkan sebanyak RM0.6 bilion dengan bilangan pekerja seramai 31,563 orang. Ini diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur dengan RM0.4 bilion (10,993 pekerja) dan Johor, RM0.3 bilion (22,423 pekerja). Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 55.5 peratus kepada nilai jualan keseluruhan. Di peringkat daerah pentadbiran, Petaling mencatatkan nilai jualan

tertinggi dengan RM230.2 juta, diikuti oleh Johor Bahru, RM126.3 juta dan Ulu Langat, RM117.9 juta.”

Bazar Ramadan

Ketua Perangkawan Malaysia dalam ulasannya turut menyatakan, “Penemuan utama Bazar Ramadan menunjukkan Selangor mencatatkan nilai jualan tertinggi sebanyak RM527.4 juta, diikuti oleh W.P Kuala Lumpur RM359.2 juta dan Johor RM257.4 juta. Seterusnya bagi peringkat daerah pentadbiran, Petaling merekodkan nilai jualan tertinggi sebanyak RM213.8 juta. Johor Bahru adalah kedua tertinggi iaitu RM113.6 juta dan diikuti oleh Ulu Langat, RM110.6 juta.”

Sementara itu, Selangor mencatatkan bilangan pekerja Bazar Ramadan tertinggi iaitu seramai 27,078 orang, diikuti oleh Johor 20,326 orang dan Perak 11,126 orang. Bagi peringkat daerah pentadbiran, Petaling mencatatkan bilangan pekerja tertinggi iaitu seramai 8,448 orang. Johor Bahru adalah kedua tertinggi dengan 8,110 orang, diikuti oleh Ulu Langat, 5,497 orang.

Bazar Aidilfitri

Sementara itu, bagi prestasi Bazar Aidilfitri, Ketua Perangkawan mengulas “Selangor mencatatkan jumlah nilai jualan tertinggi iaitu RM115.8 juta. Ini diikuti oleh Melaka RM66.7 juta dan Johor, RM44.4 juta. Di peringkat daerah pentadbiran, Melaka Tengah mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu sebanyak RM61.8 juta, diikuti Klang RM59.4 juta dan Seberang Perai Utara RM23.5 juta.”

Dari segi jumlah pekerja, Selangor mencatatkan jumlah pekerja tertinggi bagi Bazar Aidilfitri iaitu seramai 4,485 orang. Melaka adalah yang kedua dengan 4,215 orang dan Terengganu 2,442 orang. Manakala di peringkat daerah, Melaka Tengah mencatatkan bilangan pekerja tertinggi iaitu seramai 3,838 orang. Klang adalah yang kedua tertinggi dengan 2,754 orang, dan diikuti oleh Kuala Terengganu seramai 968 orang.

Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April hingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM turut mengeluarkan statistik ekonomi dan sosial iaitu Pocketstats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperolehi daripada portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/pocketstatsS1_2022.

Paparan 1: Jumlah Nilai Jualan dan Bilangan Pekerja Bazar Ramadan dan Aidilfitri Mengikut Negeri, 2022

Negeri		 Nilai Jualan (RM Juta)	 Bilangan Pekerja
Malaysia		2,388.4	156,361
Selangor		643.1	31,563
W.P. Kuala Lumpur		379.5	10,993
Johor		301.9	22,423
Pulau Pinang		158.7	10,098
Terengganu		133.5	12,133
Perak		132.3	12,689
Kedah		111.9	9,374
Melaka		107.1	10,239
Kelantan		85.9	8,508
Pahang		83.2	7,292
Sarawak		82.3	6,607
Sabah		68.3	7,162
Negeri Sembilan		61.5	5,127
W.P. Putrajaya		30.0	1,114
Perlis		6.4	742
W.P. Labuan		2.6	297

Paparan 2: Nilai Jualan dan Bilangan Pekerja bagi Bazar Ramadan dan Aidilfitri 2022: 20 Daerah Pentadbiran Tertinggi

20 Daerah yang mempunyai Nilai Jualan Tertinggi bagi Bazar Ramadan dan Aidilfitri:

	Daerah	 Nilai Jualan (RM Juta)	 Jumlah Pekerja
1	Petaling	230.2	8,928
2	Johor Bahru	126.3	8,493
3	Ulu Langat	117.9	5,517
4	Klang	91.2	4,821
5	Melaka Tengah	87.6	7,781
6	Batu Pahat	69.0	2,981
7	Kuala Langat	66.7	2,854
8	Gombak	59.4	4,521
9	Kuala Terengganu	55.0	4,264
10	Kota Bharu	50.3	4,527
11	Seberang Perai Tengah	48.0	2,835
12	Seremban	46.3	3,579
13	Barat Daya	45.6	2,230
14	Kinta	40.3	3,796
15	Seberang Perai Utara	37.6	2,586
16	Kuantan	32.0	2,393
17	Kluang	30.4	3,023
18	Sabak Bernam	29.8	1,265
19	Kota Kinabalu	29.2	2,764
20	Kuala Nerus	23.0	2,278

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

22 JUN 2022

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Wednesday June 22, 2022



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

REPORT ON SPECIAL SURVEY OF RAMADAN AND AIDILFITRI BAZAAR, 2022

Ramadan and Aidilfitri Bazaars generated RM2.4 billion of sales in 2022, creating 156,361 jobs

PUTRAJAYA, JUNE 22, 2022 – Sales value of the Ramadan and Aidilfitri Bazaars in 2022 recorded RM2.4 billion and created 156,361 jobs, as reported by the Department of Statistics Malaysia (DOSM). Today, DOSM for the first time published the **REPORT ON SPECIAL SURVEY OF RAMADAN AND AIDILFITRI BAZAAR 2022** which displays statistics related to sales value, number of persons engaged and number of business stalls. These statistics were presented at national, state and administrative district levels.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician of Malaysia said "The findings of this report were based on a study conducted by DOSM starting from 3rd to 29th April 2022 (month of Ramadan). This study covered all bazaars registered with the Local Authority (LA). In terms of data collection, the methods used were face-to-face interviews, observations and telephone calls. Apart from that, DOSM also used administrative data obtained from local authorities."

Ramadan and Aidilfitri Bazaars

Commenting further on the findings of the study, the Chief Statistician of Malaysia said "Selangor dominated the sales value for the Ramadan and Aidilfitri Bazaars by recording RM0.6 billion with 31,563 of persons engaged. This was followed by the W.P. Kuala Lumpur with RM0.4 billion (10,993 persons engaged), and Johor RM0.3 billion (22,423 persons engaged). These three states contributed 55.5 per cent to the overall sales value. At administrative district level, Petaling recorded the highest sales value with RM230.2 million, followed by Johor Bahru RM126.3 million, and Ulu Langat RM117.9 million."

Ramadan Bazaar

The Chief Statistician of Malaysia in his comment also said, “The main findings of the Ramadan Bazaar study showed that Selangor recorded the highest sales value with RM527.4 million, followed by W.P. Kuala Lumpur RM359.2 million, and Johor RM257.4 million. Next at the administrative district level, Petaling recorded the highest sales value with RM213.8 million. Johor Bahru was the second with RM113.6 million, and followed by Ulu Langat, RM110.6 million.”

Meanwhile, Selangor also recorded the highest number of Ramadan Bazaar persons engaged with 27,078 persons, followed by Johor 20,326 persons, and Perak 11,126 persons. At the administrative district level, Petaling recorded the highest number of persons engaged with 8,448 persons. Johor Bahru was the second with 8,110 persons, and followed by Ulu Langat 5,497 persons.

Aidilfitri Bazaar

Meanwhile, for the performance of the Aidilfitri Bazaar, the Chief Statistician commented “Selangor recorded the highest total sales value with RM115.8 million. This was followed by Melaka RM66.7 million, and Johor RM44.4 million. At the administrative district level, Melaka Tengah recorded the highest sales value with RM61.8 million, followed by Klang RM59.4 million, and Seberang Perai Utara RM23.5 million.”

In terms of the number of persons engaged, Selangor recorded the highest with 4,485 persons. Melaka was the second with 4,215 persons, and followed by Terengganu 2,442 persons. Meanwhile, at the district level, Melaka Tengah registered the highest number of persons engaged with 3,838 persons. Klang was the second highest with 2,754 persons, and followed by Kuala Terengganu 968 persons.


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022.

Exhibit 1: Total Sales Value and Number of Persons Engaged for Ramadan and Aidilfiri Bazaars by State, 2022

State		 Sales Value (RM Million)	 Number of Persons Engaged
Malaysia		2,388.4	156,361
Selangor		643.1	31,563
W.P. Kuala Lumpur		379.5	10,993
Johor		301.9	22,423
Pulau Pinang		158.7	10,098
Terengganu		133.5	12,133
Perak		132.3	12,689
Kedah		111.9	9,374
Melaka		107.1	10,239
Kelantan		85.9	8,508
Pahang		83.2	7,292
Sarawak		82.3	6,607
Sabah		68.3	7,162
Negeri Sembilan		61.5	5,127
W.P. Putrajaya		30.0	1,114
Perlis		6.4	742
W.P. Labuan		2.6	297

Exhibit 2: Sales Value and Number of Persons Engaged for Ramadan and Aidilfitri Bazaars 2022: Top 20 Administrative Districts



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

JUNE 22, 2022